



Ruj. Kami : KPM.100-1/3/12 (3)

Tarikh :  Ogos 2026

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING LEMBAGA PEPERIKSAAN BILANGAN 1 TAHUN 2026:
PELAKSANAAN MATRIKS PEMBELAJARAN DAN PANDUAN PENGURUSAN
MATRIKS PEMBELAJARAN TAHUN 4 DAN MATRIKS PEMBELAJARAN
TINGKATAN 3**

TUJUAN

Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan (SPLP) ini bertujuan untuk memaklumkan Pelaksanaan Matriks Pembelajaran dan Panduan Pengurusan Matriks Pembelajaran Tahun 4 dan Matriks Pembelajaran Tingkatan 3.

LATAR BELAKANG

2. Matriks Pembelajaran diperkenalkan sebagai mekanisme pentaksiran kebangsaan selaras dengan Rancangan Pendidikan Malaysia (RPM) 2026-2035. Mekanisme ini menekankan pemeraksanaan kualiti pendidikan melalui penggunaan data dan bukti dalam membuat keputusan untuk menyediakan maklumat yang sahih, menyeluruh serta konsisten tentang penguasaan murid. Maklumat ini asas kepada perancangan dan penambahbaikan dasar, kurikulum serta proses pengajaran dan pembelajaran.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (MJPP) Ke-230 Tahun 2026 bertarikh 2 Julai 2026 telah meluluskan pelaksanaan Matriks Pembelajaran, iaitu Matriks Pembelajaran Tahun 4 (MPT4) mulai tahun 2026 dan Matriks Pembelajaran Tingkatan 3 (MPTg3) mulai tahun 2027. Pentaksiran ini merupakan satu mekanisme penilaian kebangsaan selaras dengan peruntukan bawah seksyen 67, 68 dan 69 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] serta Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 sebagai pelengkap peperiksaan awam.

4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2026 bertarikh 30 Julai 2026 pula telah meluluskan Panduan Pengurusan Matriks Pembelajaran Tahun 4 dan Matriks Pembelajaran Tingkatan 3.

PELAKSANAAN

5. Pelaksanaan Matriks Pembelajaran membolehkan data pentaksiran dimanfaatkan untuk merancang dan melaksanakan intervensi pendidikan yang lebih berfokus dan bersasar. Melalui pendekatan ini, jurang penguasaan literasi dan numerasi murid dapat dikenal pasti bagi menyokong peningkatan prestasi pembelajaran murid serta memperkukuh keberkesanan pelaksanaan kurikulum pada semua peringkat.

6. Panduan Pengurusan Matriks Pembelajaran Tahun 4 dan Matriks Pembelajaran Tingkatan 3 bertujuan untuk memastikan pelaksanaan yang seragam, memperkukuh tadbir urus pentaksiran serta menjamin integriti dan keberkesanan pelaksanaan pada semua peringkat.

7. Panduan yang disertakan bersama dengan SPLP dijadikan sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah. Sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM dan melaksanakan Kurikulum Kebangsaan adalah digalakkan merujuk panduan ini.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPLP ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPLP ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan,

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AB AZIZ BIN MAMAT K.M.W.)

Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan

- s.k.:
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
 3. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
 6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 7. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan